

**NO. SOALAN : 131**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan menggubal satu undang-undang baru mengenai vape atau rokok elektronik ke atas pengguna Islam yang mana kebanyakan negeri telah mengharamkan penggunaanya.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), sebagai sebuah '*Caring Ministry*' yang mementingkan keselamatan pengguna tanpa mengira bangsa dan agama maka KPDNKK akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk bersama-sama merangka satu mekanisma/kaedah untuk mengawal selia rokok elektronik dan *vape* supaya ia tidak disalahgunakan. Pihak kerajaan dalam waktu terdekat bakal mengumumkan kepada masyarakat mengenai mekanisma/kaedah kawal selia rokok elektronik dan *vape* setelah Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju dengan mekanisma/kaedah kawal selia rokok elektronik dan *vape* yang dirangka bersama di antara KPDNKK dengan KKM.

Oleh itu, mekanisma/kaedah kawal selia rokok elektronik dan *vape* yang bakal diperkenalkan oleh Kerajaan kelak hendaklah tidak disalah tafsir dan memberi gambaran kepada masyarakat umum bahawa penggunaan rokok elektronik dan *vape* adalah selamat dan tidak membahayakan kesihatan.

Masyarakat umum perlu mengetahui dan sedar bahawa kajian mengenai kesan penggunaan rokok elektronik dan *vape* masih belum konklusif pada masa ini serta memerlukan tempoh masa yang lama untuk mengetahui sama ada kesan tersebut baik atau buruk kepada kesihatan.